

Bil. S 13

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2018/2019) (BIL. 1), 2019

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 70/2018) bertarikh 17 haribulan Disember 2018 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat bilion enam ratus juta ringgit (\$4,600,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2018/2019), 2018 (Akta 1 tahun 2018).

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga ratus empat belas juta, enam ratus tiga puluh lapan ribu, enam ratus tiga puluh sembilan ringgit dan tujuh puluh lapan sen (\$314,638,639.78).

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 1), 2019.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2018/2019 dan peruntukan

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga ratus empat belas juta, enam ratus tiga puluh lapan ribu, enam ratus tiga puluh sembilan ringgit dan tujuh puluh lapan sen (\$314,638,639.78) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2018/2019, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2018/2019), 2018 (Akta 1 tahun 2018), adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama.

JADUAL

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>
JABATAN PERDANA MENTERI		
SA12A	Polis Diraja Brunei	\$3,211,016.00
SA23A	Pusat Kebangsaan E-Kerajaan	\$2,135,214.00
KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN		
SA24A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$88,490,121.11
KEMENTERIAN PERTAHANAN		
SB01A	Jabatan Kementerian Pertahanan	\$61,500,000.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI		
SC01A	Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri	\$2,141,170.00
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI		
SD01A	Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi	\$1,524,000.00
SD03A	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	\$992,368.00
SD05A	Jabatan Perbendaharaan	\$4,351,000.00
SD09A	Perkhidmatan Rampaian	\$120,473,150.67
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI		
SE02A	Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan	\$461,070.00
SE03A	Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria	\$167,780.00
SE11A	Jabatan Penjara	\$326,065.00
SE12A	Jabatan Bomba dan Penyelamat	\$1,132,515.00

JADUAL – (Sambungan)

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
SF01A	Kementerian Pendidikan	\$18,478,591.00
	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	
SH06A	Jabatan Kemajuan Pelancongan	\$7,175.00
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	
SK04A	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	\$45,289.00
	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	
SL02A	Dewan Bahasa dan Pustaka	\$155,564.00
SL03A	Jabatan Belia dan Sukan	\$1,749,089.00
	KEMENTERIAN KESIHATAN	
SM01A	Kementerian Kesihatan	\$7,297,462.00
		<u>\$314,638,639.78</u>

Diperbuat pada hari ini 8 haribulan Ramadhan, Tahun Hijrah 1440 bersamaan dengan 14 haribulan Mei, 2019 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**